

**PERCATURAN POLITIK DAN STRATEGI POLITIKING DALAM  
PEREBUTAN KUASA DI SARAWAK, 1841-1846:  
“BIAR HIDUP BERKALANG TANAH,  
JANGAN MATI BERKALANG BANGKAI”.**

Nordi Achie  
*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Kampus Antarabangsa Labuan  
Universiti Malaysia Sabah  
nordi@ums.edu.my*

**ABSTRAK**

Kertas ini bertujuan merungkai kelincahan dan kelicikan tokoh-tokoh politik (patriot atau imperialis) yang pernah bergelut dalam kancah perebutan takhta politik di Sarawak (1841-1846), di samping menilai semula pandangan beberapa sarjana Barat yang mencemuh patriot-patriot Bumi Kenyalang sebagai pemberontak (begitu juga dalam konteks sejarah Malaysia secara umumnya). Persoalannya, benarkah dan layakkah mereka ini dihukum sebagai penderhaka? Sejarah merupakan akar kekuatan bangsa: tidak ada sejarah tanpa manusia, dan tidak ada manusia yang tidak ada sejarahnya; namun, sejarah bukanlah rempah hidup yang mudah dihadami, dan sejarah bukanlah renciah pemikiran yang remeh difahami. Lantaran itu, penulis menyoroti setiap gerak nadi percaturan dan arus nafas pertembungan politik yang rumit dalam proses sejarah yang menarik untuk digarap berlunaskan falsafah dan pensejarahan ilmiah. Seterusnya, kita dapat menoreh pelbagai hikmah (iktibar dan ikhtiar) menerusi topik kerdil ini berlunaskan fakta dan pentafsiran sejarah. Sejarah ialah disiplin perdebatan, dan justeru kerana itu, isu dan persoalan dalam sejarah tidak akan putus-putus diperdebatkan menerusi pentas diskusi ilmiah dan wacana intelektual. Di sinilah benih ilmu bertunas segar dan mercu ilmu menyerlahkan tuas kebenarannya.

**Kata Kunci:** *Strategi Politik, Percaturan Kuasa, Sejarah Sarawak*

**Pengenalan**

Sebelum menghuraikan gerakan anti-Brooke, persoalan penting yang harus difahami ialah bagaimana dan mengapa berlakunya pertapakan kuasa James Brooke (JB) sebagai Raja Sarawak (1839-1842) dan pengasasan dinasti Brooke (1841-1941). Ini merupakan proses rumit yang membabitkan percaturan strategi politik empat penjuvu antara Pangiran Muda Hasyim (PMH), Pangiran Mahkota (PM), Datu Patinggi Ali (DPA) dan JB, bahkan mengandungi iktibar kesejarahan yang menarik untuk direnungkan. Pertama, tidak ada seorang pun daripada patriot anti-Brooke yang menyerah diri sebelum bertempur habis-habisan. Kedua, fakta sejarah membuktikan hampir semua patriot anti-Brooke enggan menyerah diri biarpun mereka kalah (sama ada mereka mati dalam buangan negeri atau mati di tempat persembunyian). Ini merupakan fakta sejarah yang sangat mengagumkan. Demi hak anak watan dan maruah tanah air, darah dan nyawa tidak lagi berharga di sisi mereka. Ketiga, kelicikan muslihat dan kelincahan imperialisasi

Brooke untuk membina empayar Raja Putih di Sarawak merupakan proses yang sukar dan memakan masa yang panjang akibat penentangan yang bertali arus dan bertubi-tubi daripada patriot-patriot Bumi Kenyalang.

### **Pergolakan Politik Sarawak Pra-1841**

JB menjejakkan kakinya ke Sarawak buat pertama kali pada 1839. JB belayar dengan kapal Royalist dan menghadap PMH di Kuching untuk menyampaikan hadiah dan surat penghargaan daripada Gabenor Negeri-negeri Selat kerana jasa PMH menyelamatkan kelasi kapal dagang British berdekatan Kuching. Pada kesempatan ini, PMH meminta bantuan JB untuk meredakan persengketaan antara DPA dengan PM (Muhammad Rakawi Yusuf, 2009: Fasal 13). DPA menentang dasar-dasar percukaian PM kerana membebankan penduduk tempatan. JB bersetuju dalam diam. JB memerlukan masa untuk memikirkannya. JB tidak mahu dilihat terburu-buru demi memburu gagasan politiknya. Takkan lari gunung dikejar. Lebih penting lagi, JB belum mempunyai persiapan secukupnya. JB sedar segala sesuatu memerlukan perancangan. Jika JB gagal merancang, bermakna JB merancang untuk gagal. Sungguhpun begitu, JB menyedari inilah peluang terbaik baginya untuk mencapai cita-cita imperialistik. Buktinya, setelah belayar pulang ke Singapura, JB berkunjung semula ke Sarawak pada tahun berikutnya (1840). Kali ini, JB datang sebagai imperialis bersama kapal perang Royalist dan Swift, tetapi cita-cita tersembunyi JB gagal dibaca oleh PMH.

Sejak awal lagi, JB dapat mengesani kelemahan PMH. Pembesar ini tidak mempunyai karakter unggul sebagai pemimpin. Lantaran itulah, PM enggan tunduk kepada PMH. PMH merupakan pembesar yang tandus idea dan lemah berhujah. Inilah punca utama PMH gagal menyelesaikan pertikaian antara PM dengan DPA. Sungguhpun PMH teragak-agak mengambil keputusan, namun PMH bukanlah jahil berstrategi. Pada awalnya, JB berpakat dengan PMH atas motif politik tersembunyi. JB mahu memanipulasikan kelemahan PMH untuk kepentingan cita-cita politik JB sendiri. JB dapat membaca kelemahan PMH, namun fikiran PMH tidaklah setajam JB. Perlu dinyatakan di sini, hati manusia merupakan tempat yang paling gelap untuk ditafsirkan; tidak ada perkara yang percuma dalam dunia ini dan untuk mendapatkan sesuatu, harus diberikan sesuatu. Inilah makna politik. Sementara itu, JB menyedari PM mempunyai karisma yang setanding dengan DPA. Justeru, menurut pengamatan JB, PM berpotensi menjadi pengancam dan penghalang cita-cita politiknya nanti. Oleh itu, JB berpakat dengan PMH untuk melemahkan pengaruh politik PM. Namun, PMH tidak memiliki kuasa ketenteraan yang kuat. Inilah kesilapan awal JB. Bagaimanakah JB mengatasi masalah ini sehingga JB berjaya mengusir PM dari Sarawak?

### **Datu Patinggi Ali – Strategis Dinamik dan Patriot Pragmatik**

Dalam keghairahannya untuk menjadi Raja Sarawak, seperti dijanjikan PMH, JB terus menyerang DPA di Setiawan dan Lidah Tanah. Peristiwa ini berlaku pada 1840. JB dibantu Pangiran Badaruddin (Buyong Adil, 1974: 19-20). Persoalannya, mengapakah JB diarahkan menyerang DPA, mengapa tidak menyerang PM? Dalam konteks ini, nyatalah JB tidak menilai situasi politik dalaman di Sarawak secara mendalam. Pertama, dengan menyerang DPA, tercetuslah permusuhan politik antara mereka berdua. Kedua, PMH dan PM hanya bertepuk tangan melihat JB dan DPA saling berbunuhan. Ketiga, pihak yang selamat ialah PMH dan PM. Justeru, tindakan JB

menyerang DPA dengan sendirinya menguatkan kedudukan politik bangsawan Brunei di Sarawak. Tidak terlintas di fikiran JB, suatu hari kelak PMH dan PM akan berkomplot menentangnya kerana JB percaya PMH hanyalah pembesar yang pendek akal. Di sinilah terselipnya kelicikan PMH. Puncanya, JB terlalu teruja untuk menjadi Raja Sarawak. JB baru sahaja mengenali PHM, namun dia terlalu mempercayai kejujuran PMH tanpa kewaspadaan. Air yang tenang, jangan disangka tiada buaya.

Sebagai mantan tentera British di Burma, JB terlalu yakin beliau dapat menumpaskan DPA dengan mudah, namun sangkaannya benar-benar meleset. JB telah diaibkan DPA. Kedua-dua serangan JB berjaya dipatahkan DPA. JB tersilap kerana memandang rendah terhadap pengaruh DPA. Dari sudut persenjataan dan bekalan makanan, JB tidak tahu DPA turut mendapat bantuan dari Sambas (Mohd. Isa Othman, 1999: 115). Selepas kegagalan itu, persepsinya terhadap DPA turut berubah. JB tidak mahu terus memusuhi DPA kerana tindakan ini hanya merosakkan cita-cita politik JB sendiri. Sejak itu, JB sedar beliau memerlukan DPA sebagai sekutu politiknya. JB mencari tokoh yang setia dan taat kepadanya. Kegagalan serangan ini memberikan dua pengajaran penting kepada JB. Pertama, JB telah diperalatkan PMH untuk menyerang DPA. Kedua, JB mulai mengagumi ketokohan DPA. Di pihak DPA pula, beliau menyedari dua perkara penting. Pertama, JB mempunyai kekuatan senjata, tentera, makanan dan kewangan. Dalam pertempuran jangka panjang, siapa menang atau siapa kalah, masih sukar ditentukan. Ketiga, DPA pasti menghadapi masalah logistik (makanan dan senjata) jika pertempuran berlarutan, apatah lagi sekiranya PMH berjaya memujuk PM agar menyebelahnya untuk menumpaskan DPA.

Bertolak dari sini, DPA akur dengan saranan orang kanannya iaitu Pangiran Matusin agar kedua-dua pihak berdamai. Jika berdamai, DPA akan mendapat sekutu politik pertamanya iaitu JB. Jika tidak, DPA mempunyai tiga seteru politik iaitu PMH, PM dan JB. Di pihak JB pula, beliau menyambut baik perdamaian ini, bagaikan musim kemarau ditimpa hujan. Tindakan ini didasari dua pertimbangan. Pertama, JB memerlukan sekutu politik yang berkarisma untuk memperkukuh gagasan politiknya, khasnya sokongan politik daripada pemimpin Melayu Sarawak. Kedua, ciri-ciri ini sememangnya terdapat pada diri DPA.

Tatkala terdengar JB akan dilantik sebagai Raja Sarawak, jika keamanan tercapai, DPA terus menghantar duta perdamaianya kepada JB. Jelas, DPA menyintai keamanan dan berjiwa rakyat. Orang yang tidak setia, rakyat tidak ada di hatinya. Seperkara lagi, jika pun JB berjaya mengalahkan DPA, kekuatan tenteranya turut terjejas. Dalam keadaan ini, apakah PHM dan PM masih memandang tinggi terhadap JB? Tidak mustahil PMH dan PM akan berkomplot menentang JB. Inilah persoalan yang berlegar-legar dalam fikiran JB. Lebih-lebih lagi, ikatan politik kebangsawanan Brunei mampu menyekat pertapakan dan kemaraan kuasa politik JB di Sarawak. Tambahan pula, kebencian PM terhadap imperialis Barat telah disedari JB. Berdasarkan semua pertimbangan tersebut, pertempuran ini telah diselesaikan dalam suasana menang-menang antara JB dan DPA, tanpa dendam dan curiga. DPA menyokong perlantikan JB sebagai Raja Sarawak, manakala JB berjanji mengiktiraf jawatan pembesar-pembesar Melayu Sarawak. Bagaimanapun, dalam politik tidak ada rakan dan lawan yang kekal. Pakatan JB-DPA mengakibatkan terbentuknya kompromi politik PMH-PM (Muhammad Rakawi Yusuf, 2009: Fasal 16). Dengan ini, terdapat dua pertembungan politik di Sarawak. Ketika itu, barulah PMH menyedari kesilapan percaturan politiknya. PMH menyedari dua kesilapannya. Pertama, meminta

bantuan daripada JB. Beliau sendiri yang membawa serigala masuk ke dalam rumahnya. Kedua, PMH telah berjanji akan melantik JB sebagai Raja Sarawak.

Kesilapan terakhir ini lebih parah lagi. Dalam situasi segenting ini, PMH hanya mempunyai satu pilihan iaitu berpakat dengan PM untuk mengusir JB keluar dari Sarawak. PMH dan PM sedar JB merupakan duri dalam daging. Strategi komplot ini dilakukan menerusi dua cara. Pertama, PM mendalangi serangan Iban dari Sekrang ke Kuching pada 1841. Jumlah mereka dianggarkan 2,500 orang. Ketika mereka bertempur dengan DPA, JB membawa tenteranya untuk membantu DPA sehinggalah serangan ini dapat dipatahkan (Buyong Adil, 1974: 26-28). Sejak itu, DPA memandang tinggi dan menyanjung hormat terhadap JB. DPA percaya PMH dan PM tidak akan mampu menjamin keselamatan Sarawak. DPA menaruh sepenuh kepercayaan kepada JB, malah DPA mendesak PMH agar mengisytiharkan JB sebagai Raja Sarawak dengan segera. Tanpa disedari, DPA sendiri telah terperangkap dengan permainan politik JB.

### **Pakatan Politik Pangiran Muda Hashim dan Pangiran Mahkota – Berpantang Maut Sebelum Ajal**

Selepas kegagalan serangan ini, PMH dan PM berkomplot meracuni jurubahasa JB. Ini merupakan isyarat halus kepada JB sama ada mati atau keluar dengan selamat dari Sarawak, namun kematian jurubahasanya telah dipergunakan JB mengugut PMH untuk mengusir PM dari Sarawak. Sekali lagi, PMH tidak ada jalan keluar akibat ketandusan idea. JB telah menghalakan kedua-dua kapal perangnya (Royalist dan Swift) untuk mengebom kediaman PMH. Bersama segerombolan pasukan bersenjata, JB menghadap PMH dengan menawarkan darah atau tinta. Pertama, JB mendesak PMH menunaikan janjinya untuk melantik JB sebagai Raja Sarawak. Kedua, mengusir PM (tokoh bangsawan Brunei yang paling digeruni JB kerana kelincahan politiknya) keluar dari Sarawak. Dalam ketakutan, PMH menunaikan kedua-dua permintaan JB. DPA juga menuntut PMH mempercepatkan perlantikan JB sebagai Raja Sarawak kerana hilang kepercayaan terhadap pembesar-pembesar Brunei di Sarawak. Ketika itu, tidak ada pembesar Melayu Sarawak yang menyebelahi PMH. Permainan politiknya seakan-akan berpaku di sini.

Setelah keamanan tercapai, datanglah abu penyesalan yang tidak berguna lagi. PMH masih tercari-cari muslihat untuk menyekat pertapakan kuasa politik JB di Sarawak. Lantaran itu, PMH bertindak melewati-lewatkan majlis perisytiharan JB sebagai Raja Sarawak. PMH tersilap kerana beliau tidak berwaspada terhadap JB. Malah, DPA turut terpedaya dengan kelicikan diplomatik JB. DPA tidak sedar dirinya diperalatkan JB. DPA terlalu bersangka baik dengan JB. DPA terabaikan kebenaran pepatah Melayu: buat baik biarlah berpada-pada. DPA hanya mempunyai dua pilihan. Pertama, bekerjasama dengan musuhnya iaitu PM. Kedua, mengikat sauh kerjasama dengan JB.

Sungguhpun PMH merupakan pembesar yang lemah, tetapi beliau bukanlah bangsawan dungu. Perlantikan ini tidak dilakukannya secara percuma. JB membayar 1000 ringgit kepada Sultan Umar Ali Saifuddin II dan PMH setiap tahun, di samping membayar 300 ringgit kepada Datu Patinggi, 150 ringgit kepada Datu Bandar dan 100 ringgit kepada Datu Temenggung secara tahunan. JB bersetuju dengan jumlah bayaran ini. Jika beliau mahukan kejayaan, JB hendaklah bersikap pemurah. Dari segi falsafah kejayaan, JB tidak mahu berkira-kira dalam soal wang kerana wang datang dan pergi. JB juga berjanji menghormati dan mengekalkan adat istiadat serta undang-

undang Melayu Sarawak (Muhammad Rakawi Yusuf, 2009: Fasal 17). Sementelahan memikirkan semula kesilapannya, PMH mendapati JB sengaja membiarkan dirinya terlantar menghadapi masalah dalaman Sarawak. Kemudian, JB datang semula bersama armada lautnya lalu memberikan bantuan kepada PMH. Bagaikan orang lemas dihulurkan pedang lantas pedang pun dipegangnya – PMH berbesar hati menerima bantuan JB tanpa PMH mengetahui adanya udang di sebalik batu; namun hanya setelah JB mengugutnya dengan senjata, barulah PMH terkebil dengan percaturan politik JB. Buktinya, JB memegang kuasa mutlak kerana dialah Raja Putih Sarawak. JB memonopolikan perlombongan antimoni dan melantik dirinya sebagai hakim mahkamah. Dengan ini, JB membolot tiga kuasa sekali gus iaitu kuasa pemerintahan, perundangan dan kehakiman. Nasi sudah menjadi bubur.

Seterusnya, PMH telah menghukum PM dibuang negeri. Apakah reaksinya? PM berpakat pula dengan Syarif Sahap di Sadong dan Syarif Jaafar di Lingga untuk menentang JB. Sikap anti-Brooke PM tidak terbatas di Sarawak sahaja. Di mana-mana sahaja PM berada, PM tetap anti-Brooke. Sekali melangkah, pantang berundur. Sementara itu, PMH mulai bersekutu dengan JB-DPA. Hanya dengan cara ini, PMH dapat hidup selamat di Sarawak. Kemuncaknya, PMH telah mengisytiharkan JB sebagai Raja Sarawak pada 1842. Tidak lama selepas pengisytiharan ini, terdapat satu lagi komplot pembunuhan JB di Kuching. Tugas ini dilaksanakan Linggir. Bersama-sama dengan 80 orang pahlawan Iban dari Saribas, Linggir menemui JB di rumahnya. Belum pun Linggir sempat bertindak, Datu Temenggung Mursal (bersama 80 pendekar Melayu) dan Datu Bandar Ranca (bersama 50 hulubalang Melayu) bertindak menyelamatkan JB. Datu Temenggung dan Datu Bandar mendapat pesanan kecemasan daripada utusan JB mengenai kunjungan Linggir yang mencurigakan di rumahnya. Komplot ini gagal (Buyong Adil, 1974: 27-28). Adakah komplot ini turut didalangi PM? Apakah Linggir berhenti setakat itu sahaja?

Pengisytiharan JB sebagai Raja Sarawak (1841) hanya dilakukan PMH sahaja (belum mendapat perkenan sultan Brunei). Keadaan ini ternyata masih mengacau-bilaukan fikiran JB. Betapa tidak, kedudukan dan pengaruh politiknya masih belum kukuh. Seterusnya, pengiktirafan rasmi JB sebagai Raja Sarawak daripada Sultan Umar Ali Saifuddin II berjaya diperolehi pada 1842, tetapi Sarawak masih menjadi hak milik SB. JB hanya bertaraf wakil pemerintah sultan Brunei sahaja, dengan gelaran Raja Sarawak – raja tanpa takhta, tanpa kuasa. Ada apa dengan gelaran? Dalam soal sepeenting ini, JB begitu berhati-hati. Jangan sampai terlepas walaupun sebatang jarum. Jika JB tersilap langkah, dirinya ditimpa padah. Setelah menunggu sekitar empat tahun (1846), barulah Sultan Umar Ali Saifuddin II menyerahkan Sarawak kepada JB, itu pun setelah JB membawa armada lautnya untuk mengugut sultan Brunei. Terbunuhnya PMH dan Pangiran Badaruddin di Brunei pada 1846, meruangi JB menyerang Brunei atas alasan untuk menuntut keadilan bagi pihak PMH dan Pangiran Badaruddin (Muhammad Rakawi Yusuf, 2009: Fasal 17-20). Sentimen anti-Brooke telah menular di istana sultan Brunei sekitar awal 1840-an. Bangsawan dan kerabat diraja Brunei telah terpecah kepada dua puak iaitu pro-Brooke dan anti-Brooke. JB mengambil peluang ini untuk memaksa sultan Brunei mengiktirafnya sebagai Raja Sarawak. Sultan Brunei terpaksa akur dengan desakan JB kerana sultan Brunei sedar baginda tidak mampu mengatasi kekuatan armada laut JB dan British – HMS Hazard, HMS Agincourt, HMS Iris, Spiteful, Phlegeton dan Ringdove.

Mulai 1846, barulah JB benar-benar lega dengan kedudukannya sebagai Raja Sarawak, namun harus diingat, dalam diam, bencana sering mengiringi kegembiraan. Tidak cukup sekadar

Sarawak, JB nekad memperluas wilayah kekuasaannya meliputi wilayah-wilayah di luar Sarawak sekalipun dengan memerangi pembesar Melayu, Melanau dan Iban. Ketika itu, JB melihat semua orang adalah paku dan penukul berada dalam genggamannya. Setelah berjaya menawan hati pembesar Melayu Sarawak dan sesudah mendapat pengiktirafan sebagai Raja Sarawak daripada sultan Brunei, kini JB bagaikan harimau yang bersayap. Sayap pertama, pengiktirafan sultan Brunei. Sayap kedua, sokongan DPA. Setahun berlalu, JB mendapat pula bantuan ketenteraan daripada angkatan tentera laut British melalui HMS Dido.

Dalam perkembangan berikutnya, JB, DPA dan armada laut Brooke mulai mengibarkan panji-panji imperialisme Brooke ke luar wilayah Sarawak. Dalam diam dan waspada, pihak kerajaan kolonial British turut menyokong perluasan kuasa Brooke kerana Belanda juga berminat memperluas empayar mereka ke Sarawak. Ketika itu, kelebihan politik memihak kepada British kerana Belanda belum mempunyai tapak politik di Sarawak. Meskipun Belanda (serigala samudera) lebih awal bertapak di Nusantara, tetapi nampaknya Belanda terlambat merebut Sarawak. Maknanya, dua ekor anjing sedang memerhatikan antara satu sama lain di Borneo, tetapi musang belantara (British) telah berjaya menggonggong tulang di mulutnya (menerusi JB). Alasan JB mudah: beliau mahu memakmurkan Sarawak dengan menghapuskan kegiatan pelanun; padahal siapakah sebenarnya lanun di Borneo dewasa itu? Dengan alasan licik ini, JB berjaya mendapatkan bantuan ketenteraan daripada armada laut British. Ini menyebabkan JB bukan lagi muncul sebagai harimau bersayap, bahkan JB sudah menjadi garuda imperialis. Bagaimanapun, perluasan sayap imperialisme JB tidaklah berjalan dengan mudah. Pembesar Melayu, Melanau dan Iban bangkit bertubi-tubi memberikan penentangan sengit terhadap JB.

Robert Pringle (*Rajahs and Rebels*) menyifatkan patriot-patriot ini sebagai pemberontak (Robert Pringle, 1970). Ini merupakan suatu penghinaan tragik terhadap patriot dan pecehan melampau ke atas perjuangan antikolonialisme di Sarawak. Begitu juga dengan A.M. Cooper. Sarjana Barat ini memberikan dua citra kontradiktif terhadap Syarif Masahor iaitu sebagai “A Malay Patriot” sekali gus “a rebellious Malay chief” (A.M. Cooper, 1968: 6-31) sedangkan air dan minyak tidak akan bercampur. Mereka menggunakan karya sejarah untuk memfitnah pribumi terjajah. Pribumi bukan sahaja merupakan mangsa penjajahan dalam masa lalunya yang malang, bahkan mereka dijadikan sebagai mangsa yang dipermangsakan, pada masa kininya yang bermaruah. Inilah racun jiwa yang dinamakan sebagai imperialisme ilmu dan kolonialisasi pemikiran. Di sinilah munculnya lanun sejarah – mereka menumpahkan tinta untuk menurapi kebenaran sejarah: patriot ditohmah penderhaka, pejuang dicemuh lanun.

## **Kesimpulan**

Dalam tempoh 20 tahun berikutnya (1841-1861), darah kedua-dua pihak telah menitis membasahi daratan dan sungai di Sarawak. Tahun 1861 merupakan detik pahit dalam sejarah Sarawak. Pada tahun ini, SM dibuang ke Singapura. Rentap dikalahkan di Bukti Sadok. JB merangkul dua kemenangan emas. Tahun 1861 ialah tahun malang dan tahun tuah. Di sinilah terpancarnya kebenaran falsafah *yin-yang* dalam sejarah China klasik. Justeru, apabila dipertanyakan soalan melankolik – mengapa Tuhan tidak memihak kepada patriot, sebaliknya memenangkan penjajah – inilah jawapan Allah Maha Esa: “*Sesungguhnya, Kami pergilirkan kuasa (menang atau kalah) antara sesama manusia*”. Selama 122 tahun (1841-1963) Sarawak dijajah dan dijarah kuasa Barat

(Brooke-British) serta Jepun (1941-1945), namun mentari kemerdekaan akhirnya bersinar pada tarikh 16 September 1963. Lembaran sejarah ini tercetis dengan kebangkitan tiga syarif.

## **Rujukan**

- Awang Mohd. Jamil Awang Umar, “Pangiran Muda Hashim dan James Brooke”, hlm. 1-38 (Kertas Kerja, Simposium Sejarah Sarawak, Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Sarawak) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 16-17 Ogos 2000, di Kuching).
- Buyong Adil, Sejarah Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
- Cooper, A.M., Men of Sarawak, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968.
- Gould, S.B. and Bampfylde, C.A., A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs, 1839-1908, Henry Sotheren, London, 1909.
- Mohd. Isa Othman, Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1999.
- Muhammad Rakawi Yusuf, Hikayat Sarawak, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.
- Payne, R., The White Rajahs of Sarawak, Robert Hale, 1960.
- Pringle, R., Rajahs and Rebels, MacMillan, London, 1970.
- Rawlins, J., Sarawak, 1839-1968, Macmillan, London, 1969.
- Runciman, S., The White Rajahs, Cambridge University Press, London, 1960.